

**RAJA MELEWAR  
dan  
Yamtuan Negeri Sembilan**

disusun oleh

**Tan Sri Dr.A. Samad Idris  
Dharmala N S  
Haji Muhammad Tainu**

## ***RAJA MELEWAR (1773- 1795)***

Sekitar tahun 1770-an wilayah di sebelah utara Johor belum lagi menjadi sebuah negeri, tetapi terdiri daripada beberapa daerah yang disebut "luak". Ketika ini pemerintah Johor berpusat di Riau dibawah pemerintahan Sultan Mahmud Syah III (1761 - 1812). Sementara kerajaan Siak pula yang dikaitkan dengan pertuturan lisan: *Beraja ke Johor, bertali ke Siak, bertuan ke Minangkabau* adalah dibawah pemerintahan Sultan Abdul Jalil Alamuddin Syah (1766 - 1780) yang bersemayam di Mempura Besar, Siak.

Dalam sejarah lisan di Negeri Sembilan menyebut Raja Melewar merupakan raja yang dijemput dari Pagarruyung, Minangkabau. Atas sebab-sebab inilah apabila menaiki takhta beliau diberi gelaran **Yang Dipertuan Besar** iaitu gelaran Raja atau Sultan di Minangkabau sendiri. Berdasarkan sejarah lisan ini kecenderungan penghulu-penghulu ini menjemput anak raja Minangkabau memerintah luak mereka kerana majoriti penduduknya adalah terdiri daripada peneroka-peneroka Minangkabau.

Luak-luak berkenaan di utara negeri Johor merupakan wilayah dibawah pemerintahan Sultan Johor ketika itu. Pemerintahan Johor pula menghadapi krisis istana selepas pembunuhan Sultan Mahmud Mangkat Dijulang di Kota Tinggi dalam tahun 1699. Sultan Mahmud (dikenali juga Sultan Mahmud II) keturunan kesultanan Melaka memerintah (1685 - 1699). Beliau menaiki takhta ketika berumur 10 tahun.

Pemerintahannya lebih banyak bergantung kepada pembesar-pembesar negeri. Beliau telah menjatuhkan hukum bunuh kepada isteri seorang pembesar bernama Megat Seri Rama (Laksamana Bentan). Pembesar berkenaan telah bertindak membunuh sultan dalam satu peristiwa ketika Sultan Mahmud dijulung oleh juak-juaknya untuk berangkat ke masjid bersembahyang Jumaat, kerana itulah Almarhum terkenal dengan gelaran "**Marhum mangkat di julang**". Krisis ini berlarutan apabila Bendahara Abdul Jalil mengisytiharkan dirinya sultan dengan gelaran Sultan Abdul Jalil.

Dalam *Tahfatul-nafis* karangan Raja Ali Haji yang dipetik oleh J M Gullick dalam *Papers on Malay Subject* menyebut Megat Seri Rama tidak mati selepas membunuh Sultan Mahmud. Catatan ini sekali gus menolak tanggapan cerita lisan mengenai kematian pembesar ini akibat muntah darah selepas disumpah oleh sultan.

Ketika kejadian ini Sultan Mahmud berusia 24 tahun dan dikira terlalu muda. Megat Seri Rama dikatakan melarikan diri ke Singapura. Dalam tahun 1716 apabila Raja Kecil dari Siak menyerang Johor dengan mendakwa dirinya anak Sultan Mahmud untuk menuntut bela kematian ayahnya, menyebabkan Megat Seri Rama melarikan diri ke Hulu Muar dengan menyamar diri sebagai **Mogek Siramo** seorang peniaga Hidustan.

Raja Kecil dianggarkan berumur belasan tahun sewaktu menakluk Johor dalam tahun 1717 berdasarkan beliau dibawa lari oleh ibunya ke Siak ketika pembunuhan Sultan Mahmud tahun 1699 itu masih dalam kandungan. Selepas penaklukan Raja Kecil pembesar-pembesar Johor mendapatkan bantuan anak-

anak raja Bugis bagi mengusirnya. Raja Kecil dikatakan berlindung di Linggi sebelum melarikan diri ke Siak tahun 1722.

Beliau kemudiannya mengasaskan kerajaan Siak Inderapura dalam tahun 1725 bergelar Sultan Abdul Jalil Rahmat Syah. Berikutan krisis Raja Kecil yang mendakwa dirinya keturunan Minangkabau dengan pembesar-pembesar Johor yang disokong oleh Daeng Chelak lima bersaudara inilah permusuhan bermula di kalangan orang-orang Bugis dan Minangkabau di wilayah utara negeri Johor mengandungi beberapa buah luak.

Diantara luak yang merasa perlu mendapatkan pemerintahan dari Minangkabau ialah Hulu Muar yang diketuai oleh Penghulu Naam. Penduduk-penduduk Hulu Muar yang kebanyakannya dari suku Batu Hampar dan Tanah Datar bersetuju menjemput anak raja Minangkabau menjadi pemerintah setelah istana Johor dikuasai oleh anak-anak raja Bugis yang berpusat di Riau.

Luak Hulu Muar inilah tempat **Moget Siramo** (Megat Seri Rama) bersama keluarganya berpindah setelah diancam oleh angkatan Raja Kecil. Penghulu Naam dikatakan anak salah seorang yang mengikut rombongan Mogeek Siramo bernama Khatib Akil (atau Haji Salleh) yang berkahwin dengan anak Penghulu Inas bernama Senduk Emas (atau Penghulu Berlantai Kulit).

Bagi menjalankan urusan menjemput anak raja Minangkabau ini buapak suku Tanah Datar di luak Hulu Muar bernama Karu (bergelar Tok Panglima Sutan) telah dikirim ke Pagarruyung. Beliau telah diiringi oleh Panglima Bandan dan Panglima Bandut sebagai utusan mendapatkan anak raja yang akan memerintah di beberapa buah luak yang belum bernama itu.

Pemergian Tok Panglima Sutan Karu ini direstui sama oleh Dato' Bador (Penghulu Sungai Ujong), Dato' Moyang Salleh (Penghulu Jelebu), Dato' Lulinsoh (Penghulu Rembau), dan Dato' Sitiawan II (Penghulu Johol). Manakala Dato' Bayan (Penghulu Inas) pula memberikan kuasanya kepada Dato' Sitiawan II dalam urusan menjemput raja dari Minangkabau itu.

Pemerintah di Pagarruyung terkejut dengan utusan Tok Panglima Sutan Karu meminta putera dari istana Pagarruyung bagi menjadi raja di negeri yang belum bernama itu. Bagaimanapun bagi memenuhi permintaan keturunan orang Minangkabau di perantauan, Sultan Abdul Jalil yang memerintah Minangkabau itu telah menguji beberapa orang anak kerabat diraja bagi dihantar ke Semenanjung.


Ujian yang perlu dilaksanakan oleh setiap anak raja yang bakal menaiki takhta di istana Pagarruyung ialah perlu tidur satu malam di atas batu kasur beralaskan daun jelatang gajah yang terletak di bawah pohon beringin tiga sakti di kawasan *astano rajo* (makam di raja). Mengikut kepercayaan mereka sesiapa yang mengalami gatal-gatal seluruh badan akibat daun jelatang gajah bermakna mereka tidak lulus ujian bagi menaiki takhta.


Setelah beberapa orang anak kerabat diraja diuji semuanya gagal. Disebabkan tidak ada pilihan lain Sultan Abdul Jalil terpaksa menguji puteranya sendiri bernama Raja Mahmud. Sepanjang malam Raja Mahmud tidur di atas batu kasur beralaskan daun jelatang gajah ini dalam kesepian di kawasan perkuburan raja-raja itu, beliau tidak mengalami sebarang gangguan. Oleh itu beliau didapati layak dihantar ke Semenanjung bagi menaiki takhta di negeri yang belum bernama itu.

Raja Mahmud diperkenankan oleh ayahandanya mengikuti Tok Panglima Sutan Karu ke Semenanjung. Sebelum angkatan Minangkabau bertolak ke Semenanjung, Sultan Abdul Jalil telah memerintahkan anak saudaranya bernama Raja Kasah (atau Raja Katib) membuat tinjauan di samping mengatur persiapan bagi menyambut kedatangan Raja Mahmud ini. Beliau datang ke Hulu Muar di anggarkan sekitar tahun 1770an.

Ketika sampai di Hulu Muar Penghulu Naam telah memberikan sambutan diraja kepada Raja Khatib yang mengaku dirinyalah Raja. Beliau dikahwinkan dengan anak penghulu itu bernama Warna Emas dan terus diisytiharkan sebagai raja yang memerintah. Pengumuman yang dibuat oleh Penghulu Naam menerima Raja Khatib menjadi raja di luaknya tidak mendapat persetujuan dari penghulu-penghulu di luak yang lain.

Raja Mahmud putera raja Minangkabau yang dijemput ke Negeri Sembilan itu kemudiannya bergelar Yamtuan Melewar, disebabkan sebelum menjejakkan kakinya ke luak Hulu Muar beliau terlebih dahulu melewar-lewar (singgah menyinggah) di beberapa tempat di bawah pemerintahan Johor dan Siak. Salasilah keturunannya mengikut catatan sirah raja-raja di Minangkabau seperti berikut :-





Sultan Abdul Jalil di Pagarruyung telah membenarkan puteranya Mahmud mengikut Tok Panglima Sutan Karu ke Semenanjung dengan membekalkan seramai 59 orang pengiring beserta ahli pertikaman. Ketika ini kawasan perariran di laut (Selat Melaka) menjadi sarang perompak. Oleh itu pengiring-pengiring Raja Mahmud adalah ahli-ahli pertikaman yang pilihan bagi mengawasi keselamatannya.

Baginda telah membekalkan puteranya dengan sehelai rambut gombak yang penuh sebatil bersama cop mohor kerajaan sebagai tanda raja berdaulat dari istana Pagarruyung. Batil berisi rambut gombak bersama cop mohor ini diletakkan dalam *peti bunian* untuk dibawa bersama. Tanda kebesaran yang dibawa bersama oleh Raja Mahmud ini menunjukkan pertalian darah diantara Pagarruyung dengan negeri yang belum bernama ini tidak akan terputus.

Mereka berjalan kaki melalui Bukit Barisan iaitu banjaran gunung yang menjadi tulang belakang Pulau Sumatera. Angkatan diraja itu telah dihantar dari istana Pagarruyung di luak Tanah Datar (Batusangkar) ke Pangkalan yang terletak di Kampar (sekarang ini termasuk dalam Propinsi Riau). Dari Pangkalan mereka mengalir melalui Sungai Siak hingga sampai ke Mempura Besar tempat bersemayam raja Siak.

Rombongan yang mengiringi Raja Mahmud ini menghadap Sultan Abdul Jalil Alamuddin Syah. Raja berkenaan telah dimaklumkan mengenai tujuan pemergian Raja Mahmud ke Semenanjung. Disebabkan raja Siak juga berketurunan Minangkabau sekalipun mengamalkan sistem adat *Koto Piliang* (adat Ketumanggungan), baginda ikut merestui pemergian Raja Mahmud ini.

Baginda telah membekalkan 40 orang ahli pertikaman mengiringi Raja Mahmud bagi memperkuat angkatan tersebut. Dengan ini jumlah ahli-ahli pertikaman yang mengiringi Raja Mahmud semuanya 99 orang. Dalam perjalanan ke Semenanjung telah tersebar berita mengenai Raja Khatib sudah menaiki takhta di Hulu Muar, apabila masuk ke Semenanjung melalui muara Sungai Muar.

Raja Siak yang mengetahui moyangnya (ayah kepada datuk) Raja Kecil pernah diberi perlindungan oleh penduduk Linggi sewaktu diserang oleh anak Bugis lima bersaudara, telah menasihatkan Raja Melewar mudik melalui kuala Sungai Linggi. Tok Panglima Sutan Karu juga bersetuju supaya angkatan mereka mudik melalui Sungai Linggi sebelum meneruskan perjalanan ke Hulu Muar.



## BERAJA KE JOHOR BERTALI KE SIAK BERTUAN KE MINANGKABAU

Permintaan peneroka-peneroka Minangkabau meminta anak raja Pagarruyung memerintah di luak mereka adalah bagi memperkuat sistem adat *Bodi Caniago* (Adat Perpatih) yang mereka amalkan apabila membuka luak-luak berkenaan. Oleh itu tugas penting Raja Mahmud apabila memerintah ialah mentadbirkan luak-luak ini mengikut adat Perpatih yang dijalankan di Pagarruyung.

Adat Minangkabau yang diasaskan oleh Dato' Maharajo Dirajo sudah terbahagi kepada *Koto Piliang* dan *Bodi Caniago*. Sutan Basa anak Dato' Maharajo Dirajo bersama isterinya Indo Jolito telah mengasaskan sistem pemerintahan *Kota Piliang* ini dengan bergelar Dato' Ketumanggung. Manakala Sutan Balun anak Indo Jolito bersama suaminya Cati Bilang Pandai telah mengasaskan pemerintahan *Bodi Caniago* bergelar Dato Perpatih Nan Sabatang.

Pemerintahan sistem *Bodi Caniago* ini tertapak di Pagarruyung. Raja Mahmud yang dibawa oleh Tok Panglima Sutan Karu ini adalah putera raja di istana Pagarruyung bagi memperkuat sistem adat Perpatih di negeri yang belum bernama itu. Bagi memulakan tugasnya Raja Mahmud meminta Tok Panglima Sutan menukar haluan ke Riau terlebih dahulu bagi menghadap Sultan Johor, Sultan Mahmud II sekitar tahun 1770-an itu.

Secara diplomasi Raja Melewar telah menyampaikan hasrat peneroka-peneroka Minangkabau di wilayah sebelah utara Johor mahu melaksanakan adat Perpatih. Beliau juga mengakui bahawa negeri yang belum bernama itu

tetap menyatakan taat setia kepada pemerintahan Johor sebagai raja berdaulat. Sultan Mahmud II yang bersemayam di Riau merestui Raja Melewar memerintah di wilayah utara negeri Johor dengan memberikan cop mohor kerajaan.

Setelah mendapat restu Sultan Johor dan Sultan Siak dalam misi mentadbirkan adat Perpatih inilah Raja Mahmud bersama angkatannya mudik Kuala Sungai Linggi. Apabila sampai di Penajis, beliau memerintahkan Tok Panglima Sutan Karu mendirikan istana sementara di kampung berkenaan. Mereka tidak boleh terus ke Hulu Muar setelah Penghulu Naam mengisytiharkan Raja Kasah (Raja Khatib) menaiki takhta dengan mendirikan istana di Ampang Rambai.

Penghulu Rembau Dato' Lulingsoh juga membenarkan Raja Mahmud mendirikan istana sementara di tebing Sungai Linggi yang kini dikenali Kampung Astana Raja. Dalam tahun 1772 itu Tok Panglima Sutan Karu mengatur persiapan menyerang Hulu Muar bagi mengusir Raja Kasah. Tetapi Penghulu Naam tetap mempertahankan anak raja yang sudah menjadi menantunya itu.

Penghulu Naam pula dikenali sebagai seorang pahlawan yang gagah perkasa. Beliau berpegang kuat kepada janjinya mempertahankan maruah luaknya setelah bersetuju melantik Raja Kasah menaiki takhta. Dalam serangan pertama yang dibuat oleh Raja Mahmud ke atas Hulu Muar telah mengalami kekalahan. Beliau terpaksa berundur ke Sungai Seperi di Rembau akibat pertahanan orang-orang Penghulu Naam yang begitu kukuh.

Menyedari kekuatan pertahanan Penghulu Naam ini, Raja Mahmud balik semula ke Astana Raja. Ketika ini beliau telah meminta Penghulu Bador di luak Sungai Ujong menyatakan persetiaan bersama dengan Dato' Lulingsoh di Rembau. Dalam pertemuan awal ini Penghulu Bador diberi gelaran Dato' Kelana Putera, manakala Raja Mahmud pula mula dikenali Yamtuan Melewar.

Gelaran Dato' Kelana Putera ini menggambarkan Penghulu Bador adalah tokoh yang paling hampir dengan raja. Tidak pula disebut sama ada Penghulu Bador dan Penghulu Lulingsoh ikut serta dalam serangan kali kedua ke atas Hulu Muar. Bagaimanapun serangan kali kedua ini menyebabkan pertahanan Penghulu Naam dapat dikalahkan, manakala Raja Kasah terpaksa melarikan diri.

Penghulu Naam yang dapat ditawan telah menyatakan secara tegas tidak mahu tunduk menyembah Yamtuan Melewar. Oleh itu beliau telah dijatuhkan hukum mati dengan dipancung. Tok Panglima Sutan Karu ditugaskan memancung Penghulu Naam disebabkan tidak seorangpun yang sanggup menjalankan tanggungjawab tersebut.

Tok Panglima Sutan Karu telah memancung kepala Penghulu Naam pada waktu senja dengan membiarkan mayatnya tidak dikebumikan sebagai hukuman kepada sesiapa yang menderhaka kepada raja seperti di Pagarruyung. Bagaimanapun sewaktu embun turun ketika subuh, kepala Penghulu Naam yang terpenggal bercantum semula dengan badannya.


Yamtuan Melewar telah diberitahu mengenai kejadian Penghulu Naam hidup semula setelah dipancung. Beliau telah memerintahkan Tok Panglima Sutan Karu memancung Penghulu Naam sekali lagi dengan mengkebumikan terus sebaik sahaja hukuman dijalankan. Tok Panglima Sutan Karu menjalankan perintah tersebut lantas menyuruh penduduk-penduduk kebumikan mayat Penghulu Naam setelah kepalanya dipenggal.

Tetapi orang-orang kampung menjadi gempar apabila Penghulu Naam balik semua ke rumah menemui anak isterinya. Oleh itu Tok Panglima Sutan Karu terpaksa memujuk Penghulu Naam memberikan petua membunuhnya supaya hukuman tersebut tidak berulang kali dilaksanakan. Bagi memelihara keamanan diluaknya supaya tidak berlaku huru hara berterusan Penghulu Naam bersetuju menjalani hukuman itu bagi membolehkan Yamtuan Melewar mendirikan adat Perpatih.

Setelah dipancung kepalanya, Tok Panglima Sutan Karu mengkebumikan mayat Penghulu Naam dengan menggali dua buah kubur yang dipisahkan oleh anak air. Badannya dikebumikan di sebuah bukit, manakala kepalanya dikebumikan di bukit bersebelahan. Hingga sekarang bukit tempat badannya dikebumikan dikenali Bukit Tabuh (mengambil sempena tubuhnya), manakala sebuah lagi dikenali Bukit Tempurung (sempena tempurung/tengkorak kepala).

Menurut cerita lisan orang tua-tua selama 44 malam penduduk-penduduk di situ mendengar laungan dari Bukit Tempurung mengajak badannya bercantum semula. Disebabkan kedudukan dua buah bukit tersebut dipisahkan oleh anak air, maka tubuh Penghulu Naam tidak dapat bercantum semula dengan kepalanya. Berakhirlah tragedi Penghulu Naam yang mempertahankan

pendiriannya tidak mahu menerima Yamtuan Melewar menjadi raja. Salasilah Penghulu Naam dicatatkan dalam *Papers on Malay Subject* seperti berikut.



Setelah Penghulu Naam mati dibunuh, Yamtuan Melewar telah membawa anak bongsu penghulu itu ke Astana Raja. Beliau mengambil Sani menjadi isterinya. Perkahwinan dengan Sani (kemudiannya bergelar Encik Puan) bermakna beliau mengambil perempuan dari suku Batu Hampar sebagai permaisuri pertama dalam sistem beraja di negeri yang belum bernama itu.

Selepas berkahwin dengan Sani, dua orang anak lelaki Penghulu Naam telah menjejaki adiknya ke Rembau. Merah bersama adiknya Sipi telah diiringi oleh dua orang sepupunya Cantek dan Molek bagi menemui Yamtuan Melewar. Mereka berempat sampai di istana ketika senja menjelang. Salah seorang daripada mereka bersembunyi di bawah tangga sehingga terkena simbahan air Yamtuan Melewar membasuh kaki.

Ketika mereka cuba memasuki istana telah berlaku pertengkar dengan pengawal-pengawal Yamtuan Melewar. Apabila Sani melihat dua orang abangnya bersama sepupunya bertengkar dengan pengawal-pengawal beliau telah merayu supaya membenarkan mereka masuk. Yamtuan Melewar memperkenalkan mereka berempat masuk ke dalam istana.

Dalam cacatan lisan bertulis tangan menyebut mengenai peristiwa tersebut seperti di bawah ini:

*“..... Tatkala ke empat-empatnya hendak masuk tidak dibenarkan oleh orang-orang yang mengawal pintu, demikian berbantah-bantah pada masa itu terdengarlah pada Cik Sani isteri Yang diPertuan Raja Melewar itu lalu ia memandang kelihatanlah ke empat-empat saudaranya itu sedang berbantah-bantah dengan orang kawal itu.*

*Maka Cik Sani pun menangis lalu segera pergi menghadap dulu Yang diPertuan dengan air matanya, maka titah duli Yang diPertuan, “Mengapa diri selaku ini dan mengapa pula yang gempar bunyi orang berdaguh?”. Maka dipersembahkanlah oleh Cik Sani hal itu serta mengatan, “Ada pun orang yang empat itu saudara patik datang hendak mengatakan, “Adapun orang yang empat itu saudara patih datang hendak mengadap ke bawah duli Yang Maha Mulia,” Maka titah duli Yang diPertuan, “Jika sungguh orang itu saudara diri bolehlah masuk bertemu kami serta titahkan juak-juak memanggil keempatnya.” Maka keempatnya pun masuklah naik ke istana .....*”

Merah yang mewakili adik-adiknya menjelaskan kedatangan mereka adalah untuk memastikan sama ada adiknya Sani selamat atau tidak. Mereka melahirkan rasa gembira disebabkan Yamtuan Melewar memilih Sani menjadi permaisuri. Mereka juga menceritakan perihal bersembunyi di bawah tangga sehingga terkena simbahan air Yamtuan Melewar membasuh kaki.

Berdasarkan peristiwa itulah Yamtuan Melewar melantik dua orang abang iparnya bersama dua orang sepupunya dari suku Tanah Datar menjadi *Orang Empat Istana* dalam tahun 1773. Dua orang abang iparnya dianggap lebih kanan dengan kedudukan *Air Kaki Raja* bergelar Dato' Seri Amar Diraja (Merah), Dato' Raja Dewangga (Sipi), Dato' Penghulu Dagang (Cantek) dan Dato' Akhirzaman (Molek).

Tujuan kedatangan Dato' Merah dan Dato' Sipi ke Penajis juga dikatakan mengajak Yamtuan Melewar mendirikan istana di Seri Menanti sebagai tanda menyemenda seperti disebut dalam peaturan adat: *Orang menyemenda, kecil bernama besar bergelar*. Permintaan kedua abang iparnya ini telah diperkenankan oleh Yamtuan Melewar dan bersetuju mendirikan istana di kawasan tanah kepunyaan suku Batu Hampar di Ampang Rambai.

Bagaimanapun Yamtuan Melewar masih bersemayam di Astana Raja bagi mengatur pemerintahannya. Kerja-kerja mendirikan istana di atas sebidang tanah kepunyaan suku Batu Hampar (suku Encik Puan Sani) disempurnakan oleh Dato' Merah dan Dato' Sipi. Pembinaan istana di Ampang Rambai itu merupakan lambang raja yang dijemput itu *menyemenda* kepada suku Batu Hampar di Seri Menanti.

Setelah suasana kembali aman penghulu-penghulu luak bersetuju menabalkan Yamtuan Melewar memerintah di negeri yang belum bernama itu. Mereka menerima sistem adat *Bodi Caniago* yang diperkenalkan oleh Dato' Perpatih Nan Sabatang berpusat di Pagarruyung (luak Tanah Datar di Minangkabau) yang kemudiannya disebut *Adat Perpatih*.

Pertabalan Yamtuan Melewar ini dibuat oleh sembilan orang penghulu luak. Dalam buku **Negeri Sembilan dan Sejarahnya** (Abdul samad Idris, Penerbitan Utusan Melayu Berhad, Kuala Lumpur, 1968) menyebut sembilan luak yang terbabit menabalkan Yamtuan Melewar dalam tahun 1773 ialah Sungai Ujong, Jelebu, Johol, Rembau, Jelai (Inas), Kelang, Naning, Segamat/Pasir Besar (Jempol) dan Hulu Pahang (Kenaboi).

## **PEMILIHAN NAMA NEGERI**

Adalah dipercayai nama **Negeri Sembilan** bagi menamakan negeri yang belum bernama itu diishtiharkan oleh Yamtuan Melewar apabila menaiki takhta tahun 1773. Pemilihan nama *negeri* yang dimaksudkan luak-luak itu adalah mengikut kebiasaan di Minangkabau bahawa takrif negeri itu bukanlah dimaksudkan *state*. Di Minangkabau kelompok negeri (*nagari*) adalah dimaksudkan seperti *mukim* iaitu lebih kecil daripada luak (*daerah*).

Apa yang dimaksudkan *state* di Minangkabau ialah *rantau*. Oleh itu pemilihan nama *Negeri Sembilan* adalah dirujuk kepada sembilan luak yang menabalkan Yamtuan Melewar. Berdasarkan pemakaian nama Negeri Sembilan berasaskan kepada dialek Minangkabau, sudah tentulah nama negeri



yang baru itu diisytiharkan oleh Yamtuan Melewar yang lebih arif mengenai pemakaian dialek Minangkabau.

Gelaran kepada penghulu-penghulu luak juga berkemungkinan diberikan oleh Yamtuan Melewar apabila beliau menaiki takhta dalam tahun 1773 itu. Sebelum pembentukan Negeri Sembilan semua penghulu luak hanya dikenali sebagai *penghulu* sahaja, atau dipanggil mengikut luak masing-masing. Misalnya Penghulu Luak Rembau dikenali sebagai Dato' Rembau, Penghulu Luak Jelebu disebut Dato' Jelebu dan begitulah seterusnya Dato' Johol, Dato' Naning serta lain-lain.

Sembilan orang penghulu luak yang terbabit dalam menabalkan Yamtuan Melewar itu ialah Penghulu Bador (Sungai Ujong) kemudiannya bergelar **Dato' Kelana Putera** Penghulu Salleh (Jelebu) bergelar **Dato' Mendelika Menteri Akhir Zaman**, Penghulu Lulinsoh (Rembau) bergelar **Dato' Lela Maharaja**. Bagaimanapun Rembau menetapkan dua gelaran apabila penyandanganya bertukar carak yang lain iaitu **Dato' Lela Maharaja** kepada waris *Jakun*, dan **Dato' Sedia Raja** kepada waris *Jawa*.

Lain-lain gelaran ialah Penghulu Sitiawan II (Johol) bergelar **Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan** (mengikut namanya), Penghulu Bayan (Jelai/Inas) gelaran sama dengan Johol tetapi ditambah *Walad Kuala Dioh* (mengikut sumber Penghulu Inas mewakili kepada Penghulu Johol dalam upacara pertabalan Yamtuan Melewar). Lain-lain gelaran penghulu tidak diketahui disebabkan selepas campur tangan penjajah barat keadaan negeri-negeri Melayu juga kucar kacir.

Catatan bertulis mengenai sejarah pembentukan Negeri Sembilan juga tidak ditemui, tetapi dikumpulkan berdasarkan catatan cerita lisan. Penghulu Kelang (meliputi Lukut, Jugra dan Morib) mungkin bergelar **Dato' Engku Kelang**, Penghulu Naning tidak diketahui siapa yang menyandang pesaka, manakala Penghulu Hulu Pahang (Kenaboi) juga tidak diketahui.

Selepas tahun 1780-an Belanda telah mengambil Naning dimasukkan ke bawah kuasa Melaka, sementara Kelang dan Segamat terpisah apabila kuasa Bugis semakin bertapak di Selangor dan Johor. Disamping itu Hulu Pahang yang meliputi Temerloh masuk ke bawah pemerintahan Pahang dengan meninggalkan Kenaboi kepada luak Jelevu. Gejala-gejala inilah menyebabkan sejarah penubuhan awal Negeri Sembilan ikut tenggelam disebabkan tidak ada catatan bertulis.

Bagaimanapun Yamtuan Melewar sebagai pengasas Negeri Sembilan berjaya mengekalkan sistem pemerintahan Adat Perpatih dalam pergolakan politik negeri-negeri Melayu ketika itu. Gelaran-gelaran kepada dato'-dato' lembaga dan buapak di luar-luak adalah dibuat oleh penghulu masing-masing. Tahun 1773 adalah menjadi titik tolak kepada permulaan pemerintahan beraja di Negeri Sembilan yang berdasarkan kepada: *Beraja ke Johor, bertali ke Siak, bertuan ke Minangkabau*.

Yamtuan Melewar juga mengkotakan janji dalam menetapkan pemerintahan: *Berjenjang naik, bertanggung turun* dengan tidak menetapkan puteranya Raja Totok menaiki takhta. Penghulu-penghulu luak diberi kuasa menjemput anak raja di istana Pagarryung menaiki takhta dengan menyemenda ke istana Seri Menanti. Raja Hitam telah dijemput dari istana

Pagarruyung lalu dikahwinkan dengan puteri Yamtuan Melewar bernama Raja Aisyah.

Setelah pertabalan Yamtuan Melewar penghulu-penghulu luak balik ke tempat masing-masing bagi mengatur pentadbiran *Adat Perpatih* ini. Setiap penghulu luak mempunyai kuasa mutlak dalam luak mereka seperti ditetapkan dalam aturannya: *Raja berkuasa pada alamnya, penghulu berkuasa pada luaknya, lembaga berkuasa pada sukunya, buapak berkuasa pada anak buahnya.*

Tidak banyak disebut mengenai perkembangan Negeri Sembilan selepas pertabalan Yamtuan Melewar, kecuali pemakaian *Adat Perpatih* iaitu adat Minangkabau dari carak *Bodi Caniago* itu menjadi pegangan dalam pentadbiran di setiap luak. Baginda Yamtuan Melewar mangkat dalam tahun 1795 dengan meninggalkan kuasa menentukan pengganti takhta kepada penghulu-penghulu luak.

*Bulat anak buah menjadikan buapak*

*Bulat buapak menjadikan lembaga*

*Bulat lembaga menjadikan penghulu*

*Bulat penghulu menjadikan raja*

Baginda Yamtuan Melewar atau Raja Mahmud ibni Almarhum Sultan Abdul Jalil mangkat di istana Penajis (Astana Raja) dan dimakamkan di kampung berkenaan. Sekalipun istana baginda didirikan di tanah tapak semendanya di Ampang Rambai, Seri Menanti tetapi baginda terus bersemayam di Penajis sehingga akhir hayatnya.